JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG
Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel: 609-591 5000 (WISMA) / 609-565 800 (BSN)
Faks: 609-516 4931 (WISMA) / 609-516 5130 (BSN)
Laman Web: http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang

Ruj. Tuan :

Ruj.Kami : ANM.PHG.600.15/2/4 (8)

Tarikh : 21 Mei 2020

Senarai Edaran
(Seperti di lampiran A)

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada **para 2.4.4 Lampiran F: Semakan dan Pengesahan Laporan dalam Persekitaran Elektronik Sepenuhnya (Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019)**, PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam pelaporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan Sijil Pengesahan Baki Terimaan dan mengemukakan kepada JANM Pahang selewat-lewatnya **pada 14 haribulan bulan berikutnya**.

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Terimaan sehingga bulan April 2020 seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan bagi Jabatan-jabatan dibawah seliaan JANM Pahang **sehingga bulan April 2020**.

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Terimaan kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan yang berstatus **TH (Tidak Hantar) dan K (Kuiri).** Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan pegawai berikut:

i) Puan Syazwani Binti Ishak	09-5915029
ii) Puan Nor Azizah Binti Muhamed	09-5915029
iii) Puan Norhasliza Binti Ismail	09-5915023

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,

(JULIA BINTI ABU BAKAR *C.A(M)*)
Ketua Penolong Pengarah
b.p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang